

Bil. S 64

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di hawah Perkara 83(3) dan (5))

**PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2016/2017) (BIL. 6), 2017**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 12/2017) bertarikh 26 haribulan Januari 2017 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat bilion, sembilan ratus juta ringgit (\$4,900,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2016/2017), 2016 (Akta 1 tahun 2016).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan juta, tiga ratus tujuh puluh empat ribu, empat ratus sembilan puluh tiga ringgit (\$9,374,493.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 1), 2017 (S 38/2017).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat belas juta, tiga ratus tujuh belas ribu, tujuh ratus dua puluh empat ringgit dua puluh tujuh sen (\$14,317,724.27) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 2), 2017 [S 39/2017].

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang satu ratus lima puluh lima juta, lima ratus dua puluh sembilan ribu, tiga ratus tiga puluh dua ringgit dua puluh tujuh sen (\$155,529,332.27) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 3), 2017 [S 40/2017].

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat juta, tujuh ratus empat puluh tiga ribu, tiga ratus sembilan puluh sembilan ringgit (\$4,743,399.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 4), 2017 [S 41/2017].

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua ratus dua belas juta, empat ratus tiga puluh dua ribu, empat ratus sepuluh ringgit (\$212,432,410.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 5), 2017.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak empat belas juta, satu ratus tiga puluh ribu ringgit (\$14,130,000.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

#### Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 6), 2017.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2016/2017, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka.**

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi empat belas juta, satu ratus tiga puluh ribu ringgit [\$14,130,000.00] dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2016/2017, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2016/2017), 2016 (Akta 1 tahun 2016), Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 1), 2017 [S 38/2017], Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 2), 2017 [S 39/2017], Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 3), 2017 [S 40/2017], Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 4), 2017 [S 41/2017] dan Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 5), 2017, adalah dengan ini dibenarkan.

[2] Bagi maksud-maksud ceraiian [1], jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

[3] Penggantian jumlah wang tersebut dengan jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual, yang merupakan jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

**JADUAL**

| <i>Tajuk<br/>perbelanjaan</i> | <i>Gelaran</i>                | <i>Jumlah wang<br/>yang<br/>diperuntukkan</i> | <i>Pinjaman dari<br/>Kumpulanwang<br/>Luarjangka</i> |
|-------------------------------|-------------------------------|-----------------------------------------------|------------------------------------------------------|
| <b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>   |                               |                                               |                                                      |
| SD08A                         | Perkhidmatan Rampaian<br>HMSF | \$14,130,000.00                               | \$14,130,000.00                                      |
|                               |                               | <u>\$14,130,000.00</u>                        | <u>\$14,130,000.00</u>                               |

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 10 haribulan Ogos, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM